

BOTAK KECIL
Lesser Adjutant

FAMILI: Ciconiidae
NAMA SAINTIFIK: *Leptoptilos javanicus*



CIRI-CIRI

Mempunyai paruh yang sangat besar, dengan kepala botak, leher berwarna kuning dan kaki kelabu. Bahagian atas badan berwarna hitam berkilat dan bahagian bawah berwarna putih. Burung betina agak rendah berbanding burung jantan manakala burung juvenil mempunyai bulu-bulu halus pada leher dan kepalanya dan bahagian atas badan yang kurang berkilat. Panjang keseluruhan badan adalah di antara 122.5x129.0 sm.

MAKANAN

Ikan, amfibia, reptilia, serangga bersaiz besar, krustasia dan moluska.

HABITAT

Burung ini biasanya dijumpai di kawasan paya atau kolam yang berdekatan kawasan hutan, hutan bakau, sawah padi dan beting lumpur.

BUNYI

Burung ini biasanya mengeluarkan bunyi yang parau dan dalam.

TABIAT

Biasanya dilihat bersendirian, dalam kumpulan kecil atau bersama-sama dengan lain-lain spesies bangau atau burung botak.

PEMBIAKAN

Musim pembiakan bagi spesies ini adalah di antara bulan Oktober hingga Jun. Kebiasaannya pembiakan adalah secara berkoloni dengan sarang dibina pada ketinggian 12-46 m dari aras tanah. Selain itu, sarangnya juga dibina di atas batu dengan jumlah telur 2-4 biji yang berwarna putih.

STATUS

Akta 76/72, dipelihara.
IUCN, mudah terancam.